



DAPAT PENERANGAN... Mohd Najib diberi penerangan oleh (kiri) Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela sambil melihat model projek Universiti Malaysia Pahang Fasa Pertama. Turut di saksikan Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapha Muhamed.

Perlu kerjasama

Universiti, sektor industri bagi pastikan graduan relevan

PEKAN: Universiti di negara ini perlu menjalin hubungan dan kerjasama erat dengan sektor industri, termasuk dalam pembangunan ko-kurikulum, bagi memastikan graduan mereka terus relevan dengan permintaan pasaran.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata perkara itu penting bagi memastikan tidak wujud jurang antara keperluan kedua-dua pihak.

"Ko-kurikulum universiti mesti sesuai dan relevan oleh industri, kadangkala timbul jurang. Jadi perkara ini diusahakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi, antaranya mewujudkan kerjasama erat dengan pihak industri yang turut dibabitkan dalam pem-

angunan ko-kurikulum," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pembinaan Kampus Tetap Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kuala Pahang, di sini semalam.

Najib berkata, selain mengadakan kerjasama latihan pelajar dengan pihak industri, mereka boleh mengadakan program khas membabitkan sektor industri bagi membolehkan pelajar mendapat pendedahan lebih luas sebelum tamat pengajian.

Ditanya mengenai masalah pengangguran di kalangan graduan, Najib berkata, kerajaan sentiasa mengambil langkah sewajarnya bagi menangani masalah itu.

"Kita memang ambil beberapa langkah untuk me-

ngatasi masalah pengangguran, satu daripadanya seperti diputuskan tahun lalu supaya kerajaan mempercepatkan pelantikan kakitangan kerajaan dengan mengisi segala kekosongan.

"Kedua mengembangkan ekonomi negara, menarik pelaburan luar yang akan memberi peluang pekerjaan kepada graduan, seperti dalam bidang ICT (komunikasi maklumat), beberapa langkah terbaru (yang diambil itu) pasti akan menyediakan peluang pekerjaan tambahan," katanya.

Najib berkata, kerajaan mensasarkan 40 peratus rakyat di negara ini mendapat pendidikan tinggi menjelang 2010 selaras dengan matlamat Malaysia mencapai gagasan sebuah negara maju.

"Sekarang ini 32 peratus, jadi kita harap bila sampai 2010 kita boleh dapat 40 peratus," katanya.

Mengenai UMP, Najib berkata, Fasa 1 kampus tetap universiti itu dengan kos RM161 juta dijangka siap dalam tempoh dua tahun.

"Fasa 1 membabitkan peruntukan RM161 juta dan tempoh pelaksanaan dalam masa hampir dua tahun, Fasa 2 selepas habis fasa pertama. Kita ada konsultan, Kementerian Pengajian Tinggi akan mengawasi, konsultan akan lapor kepada Kementerian Pengajian Tinggi," katanya.

Najib berkata, pembinaan UMP di Kuala Pahang itu bukan saja menjadi sebuah institusi pendidikan tinggi yang mampu melahirkan

modal insan untuk pembangunan negara, tetapi juga akan dapat merancakkan kegiatan ekonomi kawasan sekitarnya.

Kampus tetap UMP, yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUKTEM), dibina di kawasan seluas 259 hektar.

UMP yang beroperasi di kampus sementara di Gambang, Kuantan sehingga kini menawarkan program pengajian dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian, Kejuruteraan Mekanikal serta Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam di peringkat ijazah dan diploma. — Bernama